

Level of Teacher's Preparedness in Teaching towards Disabled Student in Vocational Special Education School

Tahap Kesediaan Guru Mengajar Pelajar Kurang Upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)

Nur Hidayah Mohamad Rozai*, Mohd Khata Jabor

Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: nhidayah468@graduate.utm.my

Article history: Received: 01 January 2020 Received in revised form: 09 February 2020 Accepted: 02 March 2020 Published online: 26 August 2020

Abstract

The research on teacher readiness in teaching students with disabled is beneficial to teachers especially who are not exposed to the basics of Special Education knowledge. This research was conducted to identify the level of readiness of teachers from pedagogical aspect and communicating with disabled students during the learning and facilities process. The research was conducted at two Malaysian Vocational Special Education Secondary Schools. The total number of respondents involved in this research was 76 teachers. Quantitative methods are used by researchers in conducting research. Statistical Packages for Social Science Version 25.0 (SPSS 25.0) was used to analyze data for questionnaire instruments. The reliability of the questionnaire through a pilot study was 0.984 for the pedagogical aspect and 0.858 for the communication aspect. The findings show that the item has a positive and readiness in communicating. Therefore, in conclusion, the findings of this study are shown the level of teacher readiness for disabled students is high and ready.

Keywords: Special education, pedagogy, communication, teacher, disabled student

Abstrak

Penyelidikan mengenai kesediaan guru dalam mengajar pelajar kurang upaya (OKU) ini memberi faedah kepada guru terutama kepada guru yang tidak didebak dengan asas pengetahuan Pendidikan Khas. Penyelidikan ini dilakukan dengan tujuan mengenalpasti kesediaan guru dari aspek pedagogi pengajaran dan berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Penyelidikan ini dijalankan di dua buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Malaysia. Seramai 76 orang guru terlibat di dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif digunakan oleh penyelidik dalam melakukan kajian. Perisian *Statistical Packages for Social Science Version 25.0* (SPSS 25.0) digunakan untuk menganalisa data bagi instrumen soal selidik. Kebolehpercayaan dalam kajian rintis yang dijalankan adalah 0.984 bagi aspek pedagogi dan 0.858 bagi aspek komunikasi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa item yang dikaji adalah menunjukkan kesan positif dan bersedia. Oleh itu, secara kesimpulannya, hasil kajian ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan di mana tahap kesediaan guru mengajar pelajar kurang upaya (OKU) adalah tinggi dan bersedia.

Kata kunci: Pendidikan khas, pedagogi, komunikasi, guru, pelajar kurang upaya

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Guru merupakan pendidik dan pembimbing pelajar yang akan memastikan setiap proses penyampaian pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Guru semestinya menghadapi cabaran dan dugaan dalam proses penyampaian pengajaran ini terutamanya kepada guru yang mengajar pelajar kurang upaya. Guru bertanggungjawab dalam menyahut cabaran ini dalam memastikan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan terjaga dan mewujudkan suasana yang selesa ketika berada di dalam kelas.

Pendidikan tidak dikhushuskan hanya untuk orang normal sahaja tetapi pendidikan ini juga diberikan fokus kepada mereka yang memerlukan penjagaan khas. Pendidikan khas adalah satu proses bagi pengajaran yang dikhushuskan bagi keperluan istimewa mereka yang berpengetahuan khas. Pendidikan khas terbahagi kepada tiga jenis program iaitu masalah dalam pembelajaran, masalah penglihatan dan masalah pendengaran. Program masalah pendengaran dikelaskan sebagai pelajar yang tidak dapat mendengar dengan baik, mengalami kesukaran dalam menggunakan bahasa lisan dan agak lambat dalam berfikir. Walaubagaimanapun, pelajar ini masih boleh mengikuti pembelajaran dengan baik tetapi perlu pemantauan dan sokongan dari guru.

Dalam kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan, pedagogi yang diajar terhadap pelajar kurang upaya adalah berbeza mengikut kepada kognitif mereka. Penyampaian pedagogi terhadap pelajar kurang upaya ini perlulah menggunakan teknik dan kaedah pengajaran

yang diubahsuai selaras dengan kefahaman dan keperluan mereka ketika pembelajaran dan pemudahcaraan. Di dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan, komunikasi merupakan elemen penting dalam menjadikan proses ini berjalan dengan berkesan dan efektif. Walaubagaimanapun, komunikasi di antara guru dan pelajar kurang upaya ini berbeza terutama kepada pelajar yang mempunyai masalah dalam penglihatan dan masalah pendengaran. Guru perlu mempunyai latihan dan kelayakan dalam memastikan komunikasi yang disampaikan bersetujuan dengan pelajar kurang upaya ini.

■2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Guru merupakan faktor atau tulang belakang bagi sebuah kejayaan seorang pelajar. Dalam melahirkan pelajar yang berketrampilan dan cemerlang, ianya tidak setakat dari pembelajaran yang baik tetapi aspek keperibadian guru yang baik serta kemahiran pedagogi yang kukuh bagi kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah juga perlu dititikberatkan. Menurut Robiah Sidin (2000), guru yang akan melakukan kurikulum di sekolah perlulah mempunyai ilmu yang mencukupi sebelum memikul tanggungjawab yang diberikan. Jika seorang guru itu belum mempunyai tahap kesediaan yang tinggi, ini akan memberikan beberapa masalah kepada guru itu sendiri terutamanya dari aspek objektif pembelajaran dan pemudahcaraan yang sukar untuk dicapai. Guru – guru yang telah dilatih ini tidak mempunyai masalah dalam memberikan ilmu pengetahuan termasuklah dari segi kemahiran teknikal, akan tetapi sesetengah guru yang tidak mempunyai opsyen dalam pendidikan khas ini akan mengalami kesukaran untuk mengajar kerana bukan berada dalam kepakaran mereka. Guru baru yang tidak mempunyai pengalaman dalam pembelajaran dan pemudahcaraan ini akan mempunyai kesukaran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bidang kemahiran yang tertentu (Ee, 2005). Namun, Ingersoll (2003) menyatakan bahawa sejak tahun 1980an lagi permasalahan guru dalam faktor mengajar luar bidang kepakaran ini berlaku namun ianya tidak di ambil berat dalam memastikan masalah ini tidak berlarutan. Ingersoll (2003), juga menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menjadi kepada permasalahan guru mengajar di luar kepakaran mereka iaitu kekurangan jumlah guru berbanding jumlah pelajar yang semakin ramai dan penambahan sekolah yang didirikan. Ini membawa kesan terhadap guru yang tidak mempunyai opsyen dalam bidang tertentu.

Justeru, di dalam kajian ini penyelidik akan membincangkan mengenai kesediaan guru dari aspek pedagogi dan aspek berkomunikasi dalam mengajar orang kurang upaya (OKU).

■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk

- i. Mengenal pasti tahap kesediaan guru dari aspek pedagogi pengajaran dengan pelajar kurang upaya OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).
- ii. Mengenal pasti tahap kesediaan guru dari aspek berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).

■4.0 TINJAUAN LITERATUR

Pedagogi ialah suatu kaedah pengajaran yang diajarkan dalam pendidikan berbentuk formal. Pedagogi ini merupakan kemahiran mengajar guru dalam menyampaikan maklumat semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Pedagogi yang dilakukan terhadap pelajar kurang upaya (OKU) adalah berbeza dan perlu diberi penekanan khas yang lebih dan menarik agar pelajar tidak tersisih dan bosan semasa melakukan aktiviti. Guru perlu memiliki ciri – ciri profesionalisme yang menguasai pelbagai ilmu pedagogi untuk memberi pendekatan terbaik bagi menyampaikan maklumat dan kemahiran kepada pelajar dari pelbagai aspek seperti penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, kaedah pengajaran dan pengurusan pelajar (Muhammad Uthman el – Muhammadi, 2003 & Wan Ali, 2000). Dalam pedagogi pendidikan khas, langkah bagi mengajar pelajar kurang upaya (OKU) ini mengandungi lima aspek iaitu penerangan (proses penerangan), praktik (pengelolaan), pelakuan (demonstrasi dalam pengajaran), permainan dan penyeliaan (pengawasan terhadap pelajar semasa pembelajaran dan pemudahcaraan). Lima aspek pedagogi ini dilakukan bagi mengesan terhadap keberkesanannya dalam pembelajaran dan pemudahcaraan yang dilakukan guru. Teknik atau kaedah pengajaran yang dilakukan ini perlulah diajar mengikut kefahaman dan keperluan mereka.

Seterusnya, komunikasi adalah proses pemindahan maklumat yang berlaku antara dua individu atau lebih sama ada sengaja atau tidak sengaja. Komunikasi berlaku bukan setakat lisan malahan boleh berlaku dalam bentuk bukan lisan. Menurut Mohd Dan (2007), kemahiran komunikasi adalah kemahiran penting antara guru dan pelajar bagi menyampaikan maklumat dan ilmu yang diberikan. Dalam konteks kajian ini, komunikasi adalah tertumpu kepada individu yang berkeperluan khas. Individu berkeperluan khas juga turut mempunyai hak yang asasi untuk menimba ilmu dan mengetahui sesuatu persekitaran yang baru. Pendekatan komunikasi kepada pelajar kurang upaya ini adalah berbeza kerana mereka memerlukan lebih perhatian berbanding pelajar biasa. Sebahagian dari pelajar kurang upaya mempunyai masalah dari segi komunikasi untuk berinteraksi antara sendiri. Kebanyakkan pelajar ini tidak menggunakan lisan dalam percakapan harian mereka. Ada di antara mereka hanya menggunakan bahasa sendiri untuk berkomunikasi. Masalah komunikasi dalam bahasa ini boleh dikelaskan kepada dua iaitu kecacatan bahasa (komunikasi yang berlaku adalah kurang difahami, pertuturan ketika komunikasi adalah tidak jelas dan kerap untuk mengulangi perkataan yang dilontarkan. Mereka juga cenderung sukar dalam bertutur dan lambat dalam penguasaan kemahiran bertutur) dan perkembangan lambat (kelemahan dalam berkomunikasi dari segi mengeja, membaca, menulis, mendengar dan mempunyai masalah gagap semasa berkomunikasi. Mereka lebih cenderung untuk kurang memahami arahan yang diberikan. Kebolehan dalam berkomunikasi adalah lambat daripada keupayaan kognitif).

Guru yang tidak mempunyai opsyen dalam Pendidikan Khas akan mempunyai keterbatasan dalam kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan kerana penggunaan pedagogi dan komunikasi yang berlainan. Justeru itu, sebagai seorang guru, kemahiran dalam pedagogi dan berkomunikasi penting bagi mengelakkan mereka terasa tersisih dan menyendiri.

■5.0 METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif untuk mengenalpasti tahap kesedian guru dalam aspek pedagogi dan aspek berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Dapatkan kajian yang dijalankan ini adalah diharapkan dapat memberikan panduan dan cadangan kepada guru dalam menghadapi persediaan mengajar pelajar kurang upaya terutama kepada guru yang tidak mempunyai opsyen dalam bidang pendidikan khas. Sampel dalam kajian adalah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah iaitu melibatkan kepada guru – guru yang mengajar pelajar kurang upaya khususnya di dua buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) iaitu Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura, Johor Bharu dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok, Kedah. Responden adalah terdiri daripada 76 orang guru yang mewakili kedua – dua buah sekolah. Data yang dikumpulkan adalah melalui maklum balas instrumen soal selidik yang diedarkan kepada setiap responden. Kajian rintis turut dilakukan terhadap sembilan orang guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Layar dan Pendidikan Khas Integrasi. Nilai bagi Alpha adalah 0.984 bagi aspek pedagogi dan 0.858 bagi aspek komunikasi menunjukkan item adalah sesuai untuk digunakan dalam soal selidik. Dalam instrumen soal selidik, penggunaan skala likert lima mata telah digunakan untuk mengukur setiap item yang dibina. Penggunaan bahagian dalam soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A: demografi responden dan Bahagian B: soalan berdasarkan kepada persoalan kajian. Ianya diukur seperti 1=Sangat Tidak Bersedia; 2=Tidak Bersedia; 3=Sedikit Bersedia; 4=Bersedia dan 5=Sangat Bersedia. Data kajian diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 25.0* (SPSS 25.0).

■6.0 DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Tahap Kesediaan Guru dari Aspek Pedagogi Pengajaran terhadap Pelajar Kurang Upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)

Jadual 1 Peratusan Skor Min dan Sisihan Piawai Kesediaan Guru dari Apek Pedagogi dengan Pelajar Kurang Upaya (OKU)

Pernyataan	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
Saya mahir dalam pedagogi bagi pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas	3.25	0.98	Tinggi
Saya mempunyai pengetahuan yang tinggi di dalam pedagogi pendidikan khas	3.12	0.99	Sederhana
Saya memastikan keadaan keupayaan pelajar kurang upaya (OKU) ketika melakukan perancangan pengajaran	3.80	0.91	Tinggi
Saya merancang pelbagai strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar kurang upaya (OKU)	3.83	0.81	Tinggi
Saya bersedia mental dan fizikal dalam menerima pelajar daripada pelbagai jenis kategori kurang upaya (OKU)	3.95	0.75	Tinggi
Saya akan memastikan melakukan demonstrasi sebelum pelajar kurang upaya (OKU) membuat kerja amali	4.18	0.65	Tinggi
Saya selalu melakukan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang bersesuaian supaya pelajar kurang upaya (OKU) lebih tertarik untuk belajar	4.13	0.74	Tinggi
Saya menggalakkan pelajar kurang upaya (OKU) untuk bekerjasama dalam membuat tugas secara berkumpulan	4.21	0.54	Tinggi
Saya tidak mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan pelajar kurang upaya (OKU)	3.55	0.91	Sederhana
Saya yakin kaedah penyampaian pengajaran saya berkesan terhadap pelajar kurang upaya (OKU)	3.76	0.75	Sederhana
Saya sangat yakin untuk mengajar pelajar kurang upaya (OKU)	3.67	0.97	Sederhana
JUMLAH	3.77	0.82	Sederhana

Nilai Min (Rendah = 1.00 - 2.39; Sederhana = 2.40 - 3.79; Tinggi = 3.80 - 5.00)

Analisis data yang dikumpulkan hasil daripada kajian soal selidik mengenai kesediaan guru dari aspek pedagogi pengajaran terhadap pelajar kurang upaya (OKU) dibincangkan di dalam dapatan kajian. Perisian *Statistical Package for the Social Science: Version 25.0* telah digunakan untuk menganalisa data kajian yang telah dikumpulkan. Sebanyak 11 item telah disediakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Hasil kajian (Jadual 1) menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru untuk mengajar pelajar kurang upaya (OKU) dari aspek pedagogi adalah berada pada tahap sederhana dengan mencapai nilai peratusan min keseluruhan sebanyak 3.77

dan nilai sisihan piawai 0.82. Secara keseluruhan, berdasarkan kepada 11 item yang mengukur kepada tahap kesediaan guru mengajar dalam aspek pedagogi, analisis menunjukkan bahawa guru mengalakukan pelajar kurang upaya (OKU) untuk bekerjasama dalam membuat tugas secara berkumpulan. Ini dapat dilihat di item ke lapan “Saya menggalakkan pelajar kurang upaya (OKU) untuk bekerjasama dalam membuat tugas secara berkumpulan” yang mempunyai nilai min yang paling tinggi. Hal ini adalah berdasarkan kepada dapatan kajian yang mempunyai nilai min sebanyak 4.21 dan sisihan piawai 0.54.

Dalam aspek pedagogi, para guru dilihat sangat bersedia dengan memastikan pelajar kurang upaya (OKU) ini diberikan demonstrasi terlebih dahulu sebelum diberikan kebenaran untuk melakukan kerja amali. Item keenam (Saya akan memastikan melakukan demonstrasi sebelum pelajar kurang upaya (OKU) membuat kerja amali) mencapai nilai min sebanyak 4.18 dan sisihan piawai 0.65 iaitu tahap sisihan piawai yang rendah. Selain itu, para guru ini juga dilihat bersedia dalam aspek pedagogi pengajaran pelajar kurang upaya (OKU) apabila selalu melakukan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang bersesuaian supaya mereka lebih tertarik untuk belajar. Nilai min yang ditunjukkan adalah sebanyak 4.13 nilai min dan nilai sisihan piawai yang sederhana tinggi iaitu 0.74. Ketiga – tiga item yang dianalisis ini menunjukkan berada pada tahap tinggi. Item kelima (Saya bersedia mental dan fizikal dalam menerima pelajar daripada pelbagai jenis kategori kurang upaya (OKU)) memberi nilai min 3.95 dan sisihan piawai 0.75. Item ini adalah mencapai tahap tinggi. Analisis juga menunjukkan bahawa dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan berjalan dengan lancar, guru sentiasa merancang pelbagai strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar kurang upaya (OKU). Item keempat ini mempunyai nilai min 3.83 dan sisihan piawai 0.81. Dalam pembelajaran dan pemudahcaraan pendidikan khas, guru sentiasa memastikan keadaan keupayaan pelajar kurang upaya (OKU) ketika melakukan perancangan pengajaran. Item ketiga yang mempunyai tahap tinggi ini mencapai nilai min 3.80 dan sisihan piawai 0.91.

Guru juga menunjukkan kesediaan mengajar pada tahap yang sederhana dalam aspek pedagogi pembelajaran dan pemudahcaraan berdasarkan kepada item kesepuluh “Saya yakin kaedah penyampaian pengajaran saya berkesan terhadap pelajar kurang upaya (OKU)” yang mempunyai nilai peratusan min sebanyak 3.76 dan sisihan piawai 0.75. Kajian ini menunjukkan bahawa tindak balas responden adalah berdasarkan item kajian yang meletakkan tahap kesediaan mental dan fizikal berada pada tahap sederhana. Keyakinan guru dalam mengajar pelajar kurang upaya adalah sederhana apabila item 11 (Saya sangat yakin untuk mengajar pelajar kurang upaya (OKU)) memberi nilai min 3.67 dan sisihan piawai 0.97. Seterusnya, bagi item kesembilan (Saya tidak mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan pelajar kurang upaya (OKU)) dan item satu (Saya mahir dalam pedagogi bagi pembelajaran dan pemudahcaraan pendidikan khas) mempunyai nilai min 3.55 dan 3.25 dengan tahap sederhana. Namun tahap kesediaan guru adalah dilihat rendah dari segi mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam pedagogi pendidikan khas. Item kedua ini mempunyai nilai peratusan min yang paling rendah iaitu 3.12. Para guru masih mempunyai pengetahuan yang sederhana dalam teori pendidikan khas. Maka hasil analisis item kedua ini meletakkan ia berada pada tahap sederhana.

Objektif 2: Tahap Kesediaan Guru dari Aspek Berkommunikasi terhadap Pelajar Kurang Upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)

Jadual 2 Peratusan skor min dan sisihan piawai kesediaan guru untuk berkommunikasi dengan pelajar kurang upaya (oku)

Pernyataan	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
Saya menggunakan bahasa komunikasi yang bersesuaian ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung	4.09	0.77	Tinggi
Saya tidak berasa malu untuk berkommunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU)	4.24	0.73	Tinggi
Saya akan menganggap pelajar kurang upaya (OKU) ini seperti pelajar biasa apabila berkommunikasi	4.11	0.81	Tinggi
Saya menganggap komunikasi di antara saya dan pelajar kurang upaya (OKU) tidak pernah terbatas ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung	4.07	0.70	Tinggi
Saya mampu berkommunikasi dengan baik terhadap pelajar kurang upaya (OKU) di dalam kelas	4.00	0.82	Tinggi
Saya akan memastikan pelajar kurang upaya (OKU) berkommunikasi dengan baik melalui aktiviti yang dijalankan	4.07	0.77	Tinggi
Saya kurang selesa untuk berkommunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU)	3.23	1.15	Sederhana
Saya berpendapat bahawa pelajar kurang upaya (OKU) sering memberi respon yang baik ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung	3.75	0.91	Sederhana
Saya kerap melibatkan pelajar kurang upaya (OKU) untuk berkommunikasi dan bergaul	4.04	0.72	Tinggi
Saya yakin kaedah komunikasi saya dapat disampaikan dengan baik	3.91	0.72	Tinggi

Nilai Min (Rendah = 1.00 - 2.39; Sederhana = 2.40 - 3.79; Tinggi = 3.80 - 5.00)

Analisis data yang dikumpulkan hasil daripada kajian soal selidik mengenai kesediaan guru berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) dibincangkan di dalam dapatan kajian. Perisian *Statistical Package for the Social Science: Version 25.0* telah digunakan untuk menganalisa data kajian yang telah dikumpulkan. Sebanyak sepuluh item telah disediakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada 76 orang responden. Berdasarkan kepada hasil kajian (Jadual 2), secara keseluruhan, analisis persoalan kajian ini dapat disimpulkan bahawa strategi aspek komunikasi terhadap item kajian berada pada tahap tinggi. Ini berdasarkan kepada hasil analisis daripada sepuluh item di mana nilai purata keseluruhan min 3.95 responden bersedia dalam berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU).

Analisis keseluruhan sepuluh item membincangkan tahap kesediaan guru dalam aspek komunikasi. Analisis menunjukkan bahawa guru tidak berasa malu dan kekok dalam berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU). Item ke 2 ini menunjukkan nilai peratusan min yang paling tinggi iaitu 4.24 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.73. Item ini dapat dilihat bahawa guru tidak berasa kekok atau malu untuk berkomunikasi secara langsung. Ini menunjukkan guru menerima dengan baik pelajar kurang upaya tanpa menampakkan sebagai beban dalam proses penyampaian maklumat. Maklum balas yang diberikan ini meletakkan item kajian ini berada pada tahap yang tinggi. Item 3 (Saya akan menganggap pelajar kurang upaya (OKU) ini seperti pelajar biasa apabila berkomunikasi) berada pada aras kedua tertinggi iaitu 4.11 dan sisihan piawai 0.81. Dapatkan ini menunjukkan bahawa guru berkomunikasi dengan kemampuan pelajar dan tidak memandang serong pada pelajar ini. Item 1 (Saya menggunakan bahasa komunikasi yang bersesuaian ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung) berada pada aras ketiga iaitu nilai min 4.09. Item ini menunjukkan bahawa guru mengaplikasikan komunikasi yang bersesuaian dengan tahap mereka bagi menyampaikan maklumat semasa proses pembelajaran dilaksanakan. Dari aspek komunikasi, item 4 dan item 6 yang mempunyai nilai peratusan min yang sama. Para guru bersedia dari aspek ini apabila tidak pernah membataskan komunikasi antara pelajar kurang upaya (OKU) ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung malah akan memastikan bahawa komunikasi berjalan dengan lancar dan baik melalui aktiviti yang dijalankan. Ini merujuk kepada item ke 4 dan item ke 6 yang mempunyai nilai peratus min yang sama iaitu 4.07. Hal ini menunjukkan bahawa responden guru sentiasa menyediakan yang terbaik terhadap pelajar kurang upaya tanpa mendiskriminasikan hak mereka dalam berkomunikasi dan menerima ilmu secara berkesan. Analisis ini memberi kesan terhadap komunikasi apabila menunjukkan aspek ini adalah berada pada tahap tinggi. Dalam memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar, guru sentiasa melibatkan pelajar kurang upaya untuk berkomunikasi dan bergaul antara satu sama lain.

Item 9 (Saya kerap melibatkan pelajar kurang upaya (OKU) untuk berkomunikasi dan bergaul) meletakkan pada aras kelima tertinggi yang mempunyai nilai min 4.04 dan sisihan piawai 0.72. Item 5 (Saya mampu berkomunikasi dengan baik terhadap pelajar kurang upaya (OKU) di dalam kelas) berada pada aras keenam yang mempunyai nilai min 4.00 dan sisihan piawai 0.82. Item 10 (Saya yakin kaedah komunikasi saya dapat disampaikan dengan baik) dan item 8 (Saya berpendapat bahawa pelajar kurang upaya (OKU) sering memberi respon yang baik ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung) berada pada aras ketujuh dan kelapan tertinggi dengan nilai min 3.91 dan 3.75. Kedua – dua item ini memberikan maklum balas responden guru yang berkeyakinan bahawa komunikasi disampaikan dapat menarik perhatian pelajar sekaligus memberikan respon yang cukup baik semasa pembelajaran sedang berlangsung. Namun keadaan kurang selesa untuk berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) pada item ke 7 menunjukkan nilai min 3.23 di mana responden menyatakan tidak bersedia dengan pernyataan ini dan memberikan strategi tersebut berada pada tahap sederhana. Berdasarkan hasil dari dapatan kajian, responden guru tidak mempunyai masalah dalam berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) ini. Ini dilihat dari keseluruhan nilai min untuk setiap item yang dibina mempunyai nilai yang tinggi iaitu 3.95. Walaupun tidak diberikan pendedahan yang tinggi dalam pengetahuan berkomunikasi Pendidikan Khas, guru masih dilihat bersedia dan menjalankan tanggungjawab dalam memastikan kelancaran pembelajaran mengikut kesesuaian pelajar.

■7.0 PERBINCANGAN

Pengetahuan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan merangkumi kepada aspek pedagogi kerana mempunyai pengetahuan yang baik dapat memberikan peluang dalam merancang pembelajaran yang optimum. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa responden guru bersedia dalam pelbagai aspek pedagogi pengajaran di dalam kelas. Guru – guru ini mengaplikasikan pelbagai pendekatan pedagogi yang bersesuaian dan tidak menganggu kepada kecelaruan kesefahaman pelajar kurang upaya (OKU). Ini selaras dengan pernyataan Noriati, Boo & Wong, 2010 bahawa seorang responden guru itu perlu menggunakan pendekatan pedagogi yang berkesan dan optimum mengikut kepada keperluan pelajar ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Para guru yang mengajar pelajar kurang upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional ini menggunakan pendekatan pedagogi yang optimum di mana mereka mengalakukan pelajar – pelajar ini untuk berkerjasama di dalam membuat tugas secara berkumpulan. Pendekatan pedagogi yang digunakan bukan sahaja mudah untuk difahami pelajar kurang upaya (OKU) bahkan membantu untuk mencorak pemikiran pelajar ini untuk lebih kreatif. Ianya selaras dengan pernyataan Hamdi Ishak (2001) dan Safani Bari (2012) di mana strategi dan pendekatan yang bersesuaian ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan dapat merangsang pelajar kurang upaya (OKU) untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan, memperolehi maklumat dan meningkatkan pembelajaran dan pemudahcaraan. Berdasarkan kepada item 2 iaitu “saya mempunyai pengetahuan yang tinggi di dalam pedagogi pendidikan khas” menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik kerana permasalahan akan timbul jika pelajar ini tidak mencapai kepada kemahiran yang diperolehi ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Ini juga dapat dinyatakan dari peraturan – peraturan Pendidikan Khas (1997) iaitu guru – guru ini boleh melakukan pengubahsuaian dari segi teknik atau kaedah pengajaran, kesesuaian susunan aktiviti, bahan bantu mengajar dan mata pelajaran bagi mencapai kepada objektif dan matlamat Pendidikan Khas. Sehubungan dengan itu, kaedah pedagogi yang kreatif dan inovatif perlu dilangsungkan mengikut kepada tahap kesesuaian supaya mereka faham apa yang diajar. Hasil dari dapatan kajian persoalan satu ini menunjukkan keseluruhan nilai min untuk setiap item yang dibina mempunyai nilai min sederhana iaitu 3.77 dan responden guru tidak mempunyai masalah dalam aspek persediaan pedagogi ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Responden bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melakukan pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar kurang upaya (OKU).

Dari aspek komunikasi, komunikasi didefinisikan sebagai penukaran dalam maklumat, fakta, perasaan dan emosi di antara manusia di mana individu tersebut menyampaikan idea secara langsung atau tidak langsung untuk memberi kesan kepada tingkah laku (Careers Advisory

Office, 2007). Dari aspek komunikasi, majoriti guru dilihat bersedia dalam melakukan pembelajaran dan pemudahcaraan terhadap pelajar kurang upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional ini. Para guru bersetuju bahawa mereka tidak berasa terbeban atau malu ketika berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) ini. Selari dengan pernyataan Maimunah (2000) komunikasi yang berkesan dalam mengajar orang kurang upaya (OKU) adalah tidak berprasangka buruk, menghormati kekurangan yang dimiliki dan peka dengan keadaan pelajar. Hasil analisis dari item 16 mendapati bahawa guru mampu untuk berkomunikasi dengan baik terhadap pelajar kurang upaya (OKU) ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Kajian ini disokong oleh kajian Azizah (2000) yang berpendapat bahawa komunikasi yang baik antara guru dan pelajar mampu untuk meningkatkan perasaan kepunyaan dalam diri dan memberi impak yang optimum dalam pembelajaran. Namun, dari analisis pernyataan item 18 menunjukkan bilangan responden guru yang bersedia menyokong pernyataan ini adalah terendah iaitu hanya 3.23 nilai min. Ini kerana responden guru ini berpendapat bahawa perlakuan kurang selesa ini hanya timbul pada awal permulaan pengajaran. Hasil dari dapatan kajian ini menunjukkan keseluruhan nilai min untuk setiap item yang dibina mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 3.95 dan responden guru tidak mempunyai masalah dalam aspek persediaan komunikasi ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Responden bersedia dan yakin bahawa kaedah komunikasi yang digunakan ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan dapat digunakan secara berkesan dan difahami.

■8.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil dari dapatan kajian menunjukkan bahawa responden guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) bersedia dari segi aspek pedagogi pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Nilai min yang diperoleh adalah berada pada tahap sederhana iaitu 3.77. Responden guru ini dapat memastikan setiap pembelajaran dan pemudahcaraan yang diajar kepada pelajar kurang upaya ini adalah mengikut kepada tahap pedagogi pendidikan khas yang betul agar ia bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar ini. Perancangan pada strategi pembelajaran disusun dengan tertib dan baik agar tidak bercanggah dengan corak pembelajaran yang berlainan dari silibus biasa. Begitu juga dengan keadaan yang mengalakkkan pelajar kurang upaya (OKU) ini untuk bekerjasama ketika melakukan tugas secara berkumpulan. Dengan penekanan aspek pedagogi ini mampu memberikan pelajar ini rasa tanggungjawab selain dapat menjana pemikiran mereka untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Selain itu, dengan menguasai pengetahuan yang jelas mampu memberikan keyakinan kepada responden guru untuk merancang dan mengajar pelajar kurang upaya (OKU) ini. Selain itu, hasil daripada kajian yang dilakukan, tahap kesediaan guru dalam berkomunikasi adalah tinggi di mana mempunyai nilai min sebanyak 3.95. Responden guru bersedia dalam berkomunikasi terhadap pelajar kurang upaya di mana guru menggunakan bahasa komunikasi yang mudah, bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar ketika proses pembelajaran berlaku. Guru juga tidak berasa malu untuk berkomunikasi dengan pelajar malah melibatkan pelajar ini menerusi setiap aktiviti yang dijalankan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi mereka semasa pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mampu untuk berkomunikasi dengan pelajar kurang upaya (OKU) ini walaupun tidak mempunyai asas pengetahuan yang tinggi di dalam Pendidikan Khas. Selain itu, tiada pembezaan antara komunikasi responden guru ini dengan pelajar kurang upaya (OKU) malah responden guru menganggap pelajar ini sama dengan pelajar lain apabila berkomunikasi.

References

- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Data Pendidikan Khas
- Bakti Gunawan (2015). Penerapan Teori Belajar Vygotsky Dalam Interaksi Belajar Mengajar. Kompasiana Beyond Blogging
- Bashiroh Omar (2016). Intervensi Pemulihan Rehabilitasi Pertuturan Terhadap Murid Bermasalah Pendengaran. Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Faridah Mariani Johari, Widad Othman, Hairul Nizam Ismail & Zainudin Isa (2013). Isu dan Cabaran Perlaksanaan Pendidikan Khas Asas Vokasional (PAV) di Sekolah Menengah Harian, Malaysia.
- Hallahan, D.P., & Kauffman, J.M (2000). *Exceptional Learners: Introduction to Special Education*. Boston: Ally & Bacon
- Jabatan Pendidikan Khas (2002). Maklumat Pendidikan Khas 2002. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistin Mustafa & Mohd Hanafi Mohd Yassin (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 24, 73 – 87
- Lee Shok Mee (1994). Asas Pendidikan 2: Psikologi Dalam Bilik Darjah. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman
- Manisah Mohd. Ali & Zaleha Saadi (2012). Kesediaan Dan Penerimaan Para Pengajar Terhadap Mahasiswa / Mahasiswa Berkeperluan Khas Di Institut Pengajian Tinggi. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fathi Adnan (2013). Penerapan Elemen Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru PTV Di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) di Malaysia. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji (2014). Komunikasi Guru Di Dalam Bilik Darjah Dan Tingkahlaku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 59 – 77
- Mohd Rizal Mohd Said & Muallimah Arshad (2017). Masalah Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah, Daerah Kota Tinggi, Johor. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah (2015). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkahlaku Murid Bermasalah Pembelajaran. *Faculty of Education and Human Development* Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Nurul Farahah Derapa & Suziyani Mohamed (2017). Kesediaan Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Melaksanakan Pengajaran Kemahiran Vokasional Tanaman. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
- NurulHuda Mohd Sukri (2013). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi di Kolej Vokasional. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional
- Roslan Abu Hassan (2014). Kompetensi Guru Bukan Opsyen yang Mengajar Kemahiran Teknikal di Kolej Vokasional Negeri Pahang. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal Rekabentuk Instruksional dan Teknologi
- Tuan Rosnimawati Tuan Omar (2012). Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Khas di Politeknik. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional
- Wan Aiha Ismail (2004). Persepsi Pelajar Normal Terhadap Pelajar Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran di SMK Sultan Omar Dungun Terengganu. Fakulti Pendidikan